

UMS ambil inisiatif elak kesesakan aliran trafik ke PPV

Oleh Siti Aisyah Narudin

UB 30.07.2021 P. 05

KOTA KINABALU: Penerima vaksin yang hadir ke temu janji di Pusat Pemberian Vaksinasi (PPV) Universiti Malaysia Sabah (UMS) kini tidak perlu membuat imbasan MySejahtera di pintu masuk utama UMS.

Bagaimanapun, orang ramai dikehendaki membuat imbasan berkenaan di beberapa lokasi kod QR MySejahtera di dalam kampus.

Menurut kenyataan Bahagian Keselamatan UMS semalam, imbasan kod QR boleh dibuat berdekatan simpang Jalan Banjaran menuju ke Jalan Canselor, simpang Jalan Samudera menuju ke simpang Jalan Fakulti Sains dan Sumber Alam, jalan dari bulatan menuju ke parkir Dewan Canselor.

Imbasan juga boleh dibuat di jalan menuju Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan simpang masuk ke Fakulti Kejuruteraan.

Arahan berkenaan berkuat kuasa ke atas seluruh warga UMS bagi mengelakkan kesesakan trafik di pintu masuk utama universiti.



LOKASI: Pintu BHO boleh digunakan bagi melancarkan aliran trafik di dalam kampus.

Namun, keperluan membuat imbasan kod QR di dalam kampus wajib dipatuhi seiring dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Dalam perkembangan berkaitan, Bahagian Keselamatan UMS turut memaklumkan staf dan penerima vaksin dibenarkan keluar melalui pintu BHO bagi melancarkan aliran trafik di dalam kam-

pus.

Pintu yang terletak di tengah-tengah laluan antara PPV UMS ke Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dibuka bermula jam 9 pagi hingga 6 petang kecuali Sabtu, Ahad dan hari cuti kelepasan am.

Setakat ini, kapasiti pemberian vaksin COVID-19 di PPV UMS meningkat kepada 3,000 dos sehari berbanding 1,000 dos sebelum ini.

LOKASI KOD QR MY SEJAHTERA BAGI STAF UMS DAN PENERIMA VAKSIN



IMBASAN: Lokasi kod QR MySejahtera dalam kampus UMS.